

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**KAWASAN : SEREMBAN**  
**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek yang telah dilaksanakan serta perbelanjaan yang diperuntukkan di bawah RMK-11 (2016 - 2020) untuk tujuan meningkatkan keselamatan jalan raya dan untuk RMK-12 yang akan datang sejauh manakah Kerajaan bersedia untuk membina laluan khas motosikal untuk lokasi yang terpilih serta membina pembahagi median jalan (road median divider) demi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya khususnya untuk kumpulan penunggang motosikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) amat mengambil berat isu keselamatan jalan raya khususnya di jalan – jalan Persekutuan seluruh negara. Bagi maksud tersebut dan sebagai langkah jangka pendek, KKR melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) melaksanakan inisiatif di bawah Program Merawat Dan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan. Program ini akan mengenal pasti dan memperbaiki lokasi kemalangan di jalan-jalan Persekutuan tersebut yang dikenali sebagai kawasan *blackspots* untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

Bagi rekod pembaikan yang telah dilaksanakan di jalan – jalan Persekutuan seluruh negara dalam Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak **113** lokasi telah dilaksanakan pembaikan pada tahun 2017 hingga 2019. Manakala pada tahun 2020 pula, sebanyak 50 lokasi disasarkan untuk untuk dibaikpuih yang menjadikan keseluruhan lokasi sebanyak **163 lokasi**. Pembaikan ini bersifat *low cost, high impact solutions* (dengan izin). Secara keseluruhannya, kos rawatan yang terlibat bagi kerja – kerja memperelok kesemua lokasi *blackspots* ini dianggarkan berjumlah **RM47 juta**. Pemantauan keberkesanan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh KKR dan JKR di kawasan *blackspots* yang telah dibuat rawatan disamping mengenalpasti lokasi - lokasi baru *blackspots* di seluruh negara

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkaitan dengan laluan khas motorsikal, KKR mempunyai dasar untuk menyediakan bahu jalan berturap dengan kelebaran minimum 2 meter untuk digunakan oleh penunggang motorsikal di jalan - jalan baru Persekutuan yang berpiawaian R5 dan ke atas, termasuklah membinanya di jalan Persekutuan sedia ada yang dikenalpasti oleh pihak KKR. Dengan

## **NO SOALAN : 21**

adanya bahu jalan berturap ini, maka penunggang motorsikal dapat menggunakan jalan tersebut dengan lebih selamat dan selesa sekaligus dapat mengurangkan kadar kemalangan yang membabitkan penunggang motorsikal. Walau bagaimanapun, pembinaan bahu jalan berturap ini adalah tertakluk kepada kelulusan ke atas skop kerja dan juga peruntukan dari pihak agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan pembinaan median jalan, Kementerian ini telah menerima permohonan projek menaiktaraf jalan yang melibatkan skop membina median jalan untuk dilaksanakan dalam RMKe-12. Permohonan ini telah pun diangkat untuk pertimbangan dan tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Sekian, terima kasih.